

**ANP-JSSH**

ISSN: 2773-482X, e-ISSN 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.2.2022>

Kajian Tematik Buah-buahan dalam Al-Quran dan Penggunaannya untuk Rawatan Perubatan Islam

Mohd Yusoff, Ahmad Nasir^{1*}, Abdul Aziz, Muhammad Hannan² & Magiman, Mohamad Maulana³

^{1,2}Department of Government and Civilization Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA

³Department of Social Science and Management Directory, Universiti Putra Malaysia Bintulu Campus, 97008 Bintulu, Sarawak, MALAYSIA

*Corresponding author email: ahmadnasir@upm.edu.my

Received: 03 February 2022; Revised: 24 February 2022; Accepted: 25 February 2022; Available Online: 11 March 2022

Abstrak: Intisari al-Quran menjelaskan persoalan aqidah, dan peraturan hidup berlandaskan syariah. Al-Quran juga menjelaskan kepelbagaian makanan yang menjadi keperluan manusia dan makhluk lain, termasuk pemakanan yang sihat melalui buah-buahan yang membawa manfaat kesihatan kepada tubuh manusia. Buah-buahan dalam al-Quran boleh dikenal pasti dengan nama-nama tertentu seperti At-Tin (Tin), Al-Zaitun (zaitun), Al-Talh (pisang) boleh merawat radang selaput dada, Inab (anggur), Al-Rumman (delima), A-Nakhl (kurma) mengurangkan kesakitan bayi selepas proses kelahiran, Al-Sidr (bidara) boleh merawat gangguan makhluk halus, dan Al-Habbah al Sawda (jintan hitam) boleh merawat segala-galanya kecuali kematian. Al-Qur'an bukan sahaja mukjizat bermakna yang dikurniakan kepada Rasulullah SAW, tetapi juga panduan rawatan rohani, jasmani dan ruqyah menggunakan ayat-ayat Al-Quran. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti tema buah-buahan dalam Al-Quran, manfaat kesihatan, pemilihan buah-buahan yang berkhasiat dan fungsi buah-buahan untuk rawatan perubatan Islam. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat saintifik dan menyemak dokumen seperti tesis, jurnal, buku dan temu bual. Pengkaji menggunakan rujukan tafsir Al-Quran untuk mengenal pasti buah-buahan yang sesuai untuk dijadikan herba perubatan. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati banyak khasiat dan khasiat buah-buahan yang disebut dalam Al-Quran sebagai ramuan herba, pengambilan buah-buahan yang bermanfaat untuk tubuh manusia. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membuka minda masyarakat untuk menjaga kesihatan melalui pemakanan yang sihat dan menjadikan buah-buahan sebagai medium herba rawatan perubatan Islam.

Kata Kunci: Tematik, Buah-Buahan, Rawatan, Al-Qur'an, Perubatan Islam

Abstract: The essence of the Qur'an explains the issues of aqeedah, and the rules of life based on the sharia. The Qur'an also explains the variety of foods that are the needs of humans and other creatures, including healthy eating through fruits that bring health benefits to the human body. Fruits in the Qur'an can be identified by certain names such as At-Tin (Tin), Al-Zaitun (olive), Al-Talh (banana) can treat pleurisy, Inab (grape), Al-Rumman (pomegranate), A-Nakhl (dates) reduce the pain of the baby after the birth process, Al-Sidr (bidara) can treat disorders of the subtle beings, and Al-Habbah al Sawda (black cumin) can treat everything except death. Al Qur'an is not only a meaningful miracle bestowed on the Prophet SAW, but also a guide for spiritual, physical medicine and ruqyah treatment using the verses of the Qur'an. The focus of this study is to identify the themes of fruits in the Qur'an, health benefits, selection of nutritious fruits and the function of fruits for Islamic medical treatment. The study methodology uses a qualitative approach to obtaining scientific information and reviewing documents such as theses, journals, books and interviews. Researchers use reference to the interpretation of the Qur'an to identify fruits that are suitable to be used as medicinal herbs. Based on research, researchers found many nutrients and benefits of fruits mentioned in the Qur'an as herbal ingredients, fruit intake that is beneficial to the human body. In conclusion, it is hoped that this study opens the minds of the community to maintain health through healthy eating and make fruits as a medium of Islamic medical treatment herbs.

Keywords: Thematic, Fruits, Treatment, Al-Qur'an, Islamic Medicine

1. Pengenalan

Al-Quran adalah kitab suci dan Firman Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W secara berperingkat dan sebagai petunjuk kepada umat manusia. Al-Quran merupakan mukjizat yang dianugerahkan khusus kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Quran menjadi rujukan utama kepada manusia ke arah kehidupan hakiki dan wajib diyakini umat Islam yang seluruh isinya tiada sebarang keraguan sepertimana firman Allah SWT.

الم (1) ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (2)

Maksudnya “*Alif laam miim (1). Kitab (Al-Qur’an) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka bertakwa (2). (Surah Al-Baqarah: 1-2)*”

1.1 Persoalan Kajian

Kajian ini memerlukan beberapa jawapan terhadap isu-isu berkaitan pemilihan tematik buah-buahan yang terkandung di dalam Al-Quran serta manfaatnya, tafsiran ulama’ terhadap buah-buahan berdasarkan kandungan dalam Al-Quran dan bagaimana buah-buahan al Quran berfungsi dan memberi manfaat dalam perubatan Islam.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tematik buah-buahan dalam Al-Quran, manfaat kesihatan, pemilihan buah-buahan berkhasiat serta fungsi buah-buahan untuk rawatan perubatan syariat islam, menganalisis tafsiran ulama mengenai ayat-ayat Al-Quran dengan buah-buahan dan membincangkan khasiat serta manfaat buah-buahan yang memberi manfaat terhadap kesihatan jasmani manusia.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian, pengkaji mendapati masyarakat kurang mengetahui fungsi dan manfaat perubatan Islam berasaskan buah-buahan dan herba yang disebut di dalam Al-Quran. Menurut Ahmad et al. (2018), terdapat permasalahan perspektif yang lebih global, perubatan Islam dilihat belum diterima sepenuhnya sebagai komponen penjagaan dan rawatan kesihatan utama dalam masyarakat (Najaa’Mokhtar et al., 2018). Pelaksanaan dan penyampaian perubatan herba belum menyeluruh di alam ini. Generasi kini lebih mengutamakan rawatan moden yang diyakini kemajuan teknologi dan sainsnya dan lebih memberi impak dalam bidang perubatan moden berbanding perubatan Islam atau perubatan herba (Kottaparamban, 2019). Selain itu, kurang pendedahan menyeluruh tentang kepentingan buah-buahan dan fungsi penjagaan serta amalan pemakanan yang sihat. Segelintir masyarakat kurang mengetahui bahawa buah-buahan yang disebut dalam Al-Quran mempunyai kelebihan serta bermujarab bagi merawat penyakit. Ini menunjukkan masyarakat kurang mengambil tahu tentang fungsi dan manfaat buah-buahan yang dinyatakan di dalam Al-Qur’an sebagai bahan rawatan.

Kemajuan teknologi dan sains pada hari ini berkembang pantas, membuktikan masyarakat kini perlu mengikuti perkembangan semasa yang berlaku dalam bidang rawatan dan ubat-ubatan yang menjurus kepada produk dan rawatan moden. Ramai anak muda dan tua terlibat dalam penggunaan kosmetik yang belum tentu terjamin keselamatan dan keberkesananannya. Terdapat masyarakat mempercayai produk-produk moden yang dihasilkan untuk merawat atau mencegah sesuatu penyakit. Ini menunjukkan masyarakat moden sudah dipengaruhi sehingga ada pelajar menghabiskan wang ribuan ringgit demi mendapatkan produk. Malahan ada yang bergantung dengan rawatan moden dan kosmetik. Hal ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengamal perubatan Islam sama ada dari sudut penyediaan ubat-ubatan secara tradisional atau secara ekstrak daripada herba. Perubatan berasaskan buah-buahan dari perspektif pengubatan Islam, seolah-olah dipinggirkan dalam kalangan masyarakat, sedangkan rawatan dan penjagaan dari aspek rawatan buah-buahan yang terkandung di dalam Al-Quran mengandungi pelbagai khasiat dan kelebihan serta fungsinya merawat pelbagai jenis penyakit (Deuraseh & Nordin, 2017).

2. Tinjauan Literatur

Kajian Yakob et al. (2016), dalam karyanya ‘Flora-Flora dalam Al-Quran dan al-Hadith’ menemui segelintir umat Islam kurang mengenali kitab al-Tib al-Nabawi yang membicarakan aspek ilmu perubatan Islam (Fadhli Mustafa & Mohd Hussin, 2020). Objektif kajian pula untuk memberi pendedahan terhadap perbincangan dalam kitab al-Tibb al-Nabawi. Manakala kajian Zulkepli (2016) bertajuk ‘Buah-Buahan dalam Al-Qur’an menerusi aspek bahasa Arab’ membicarakan isu-isu pemilihan kata buah-buahan dalam Al-Qur’an melalui medium bahasa Arab. Hasil kajian menemui aspek perbendaharaan bahasa Arab yang dibuktikan melalui pemilihan kata, ikhtisas, majaz, tatabahasa Arab, kontekstual perkataan dan gaya bahasa perumpamaan.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan data-data kajian. Berdasarkan pengamatan yang pengkaji lakukan berkaitan pentafsiran ayat-ayat buah-buahan dalam Al-Quran itu bukan hal yang baharu lagi, kerana di buku-buku atau tafsir sudah dibahas dan dijelaskan secara umum. Justeru, pengkaji membataskan secara khusus tentang manfaat dan fungsi buah-buahan dalam rawatan perubatan Islam serta melakukan kajian perpustakaan. Pengkaji juga membuat penelitian kandungan Al-Quran untuk mencari ayat-ayat Al-Quran dan pembuktian yang jelas mengenai buah-buahan dan kelebihan yang ada. Pengkaji membuat analisa dan penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti buku, jurnal, majalah bagi mendapatkan maklumat tambahan.

4. Perbincangan

Pengkaji berjaya mengenalpasti nama-nama surah dan ayat Al-Quran yang menyatakan secara khusus, fungsi serta manfaat buah-buahan untuk tujuan perubatan Islam seperti buah At-Tin, Al-Zaitun, Al-Talh, Al-Inab, Al-Rumman, Al-Nakhl, Al-Sidr dan Habbah Al-Sawda sepertimana ditunjukkan dalam Jadual di bawah:

Jadual 1: Lafaz buah dalam al Quran/Hadith mengikut surah dan ayat

Nama Buah	Nama Surah	Ayat
Buah Tin	At-Tin (95)	1
Al-Zaitun	Al-Mu'minun (23)	20,
	Al-Anam	99
Al-Talh (Pisang)	Al-Waqiah	29
Inab (Anggur)	'Abasa (80)	28
Al-Rumman (Delima)	Al-Rahman (55)	68
Al-Nakhl (Kurma)	Al-Qamar (54)	20
Al-Sidr (Bidara)	Al-Saba' (34)	16,
	Al-Waqi'ah (56)	28
Al-Habbah Al-Sawda (Jintan Hitam)	Hadis Riwayat Bukhari	5687

4.1 Buah Tin (At-Tin)

Menurut Manzur & Mukarram (1999), perkataan At-Tin merujuk kepada buah yang dimakan. Buah Tin kebanyakannya tumbuh subur di darat seperti kawasan bukit di tanah Arab dan perkampungan. Manakala Al-Zuhaili (2009) mengatakan bahawa Allah telah memulakan surah At-Tin dalam bentuk 'ayat sumpah' iaitu 'Demi buah tin dan zaitun. Buah Tin dan Zaitun dalam Al Quran adalah kiasan kepada negeri yang sangat terkenal iaitu Syam. Buah Tin juga sejenis buah penawar sesuatu penyakit, selain membantu mempercepatkan proses penghadaman kerana sifat buahnya yang lembut serta mengandungi khasiat merawat dan mengeluarkan sisa bahan kumuhan dan mengembalikan kesihatan yang baik. Bukti berkaitan kewujudan buah At-Tin ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah At-Tin yang bermaksud.

Erti: Demi buah Tin dan Zaitun (Surah At-Tin: 95: 1)

Al-Zuhaili (2009) berpendapat bahawa buah Tin mempunyai banyak kelebihan dan khasiat seperti protein, karbohidrat, zat besi, fostat, kalsium dan vitamin. Dari sudut perubatan Islam buah Tin berupaya membantu mencegah masalah sembelit dan melancarkan proses pergerakan usus pada bahagian perut manusia, menghilangkan racun dalam badan serta membantu penghasilan hemoglobin bagi yang mengalami masalah kekurangan sel darah merah (anemia), mengurangkan gangguan serangan angin ahmar, berupaya mengawal tekanan darah tinggi kerana kehadiran serat, magnesium dan kalium yang tinggi.

4.2 Al-Zaitun

Kajian Ahmad & Ariffin (2020) menyatakan buah al-Zaitun merujuk kepada sepohon zaitun, juga nama sebuah masjid di kota Dimasyq atau bukit yang terletak di Syam. Al-Quran menyebut perkataan 'zaitun' sebanyak enam kali antaranya surah Al-Anam, Al-Nur, Al-Nahl, dan At-Tin. Dari sudut makna ia memberi maksud yang sama iaitu buah zaitun. Menurut Cicerciale et al. (2010), terdapat kandungan sebatian fenolik dalam minyak zaitun yang dapat melindungi kerosakan oksidatif DNA dalam badan manusia. Disebabkan kerosakan oksidatif DNA ini merupakan pencetus karsinogenesis yang menyebabkan perkembangan kanser yang kritikal. Kebaikan buah zaitun disebut dalam Surah Al-Mukminun ayat 20:

Dan pohon kayu ke luar dari Thursina (pohon zaitun) yang menghasilkan minyak, dan pewarna makanan (lauk) bagi orang-orang yang makan (Surah Al-Mu'minun: 20).

dan surah Al-Anam ayat 99 iaitu:

dan zaitun serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan (Surah Al-Anam: 6: 99)

Berdasarkan gaya pengambilan buah zaitun ketika sarapan pagi ia dapat mengurangkan F2-isoprostanes secara signifikan berbanding sarapan pagi yang tidak diperkayakan dengan sebatian fenolik. Daripada tekanan oksida yang dihasilkan oleh oksigen reaktif (Reactive Oxygen Species - ROS) akan menyebabkan penyakit seperti arterosklerosis, kanser dan penyakit kemerosotan sistem saraf yang menyebabkan kerosakan organ-organ dalaman manusia.

4.3 Al-Talh (Pisang)

Manzur & Mukarram (1999) mengklasifikasikan perkataan طالح kepada dua, iaitu pokok yang tumbuh di kawasan Hijaz dari spesies pokok Al-Sumurah (akasia tortilis) dan pokok Umm Ghailan. Al-Zuhaili (2009) menerangkan di dalam syurga terdapat buah-buahan seperti pisang yang tersusun dan air yang mengalir tanpa henti. Dari aspek penggunaan bahasa Arab, lafaz *Talh* dilihat menjelaskan pengkhabaran cerita berdasarkan firman Allah SWT:

Dan pohon-pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya) (Surah. Al-Waqiah: 56: 29)

Menurut Al-Darwish (1992), perkataan *Talh* bermaksud pengkhabaran cerita. Ini membuktikan bahawa Allah menyediakan buahan pisang dalam syurga, selain buah-buahan lain dan mempunyai manfaat kesihatan.

4.4 Inab (Anggur)

Perkataan *Inab* diungkapkan Al-Quran sebanyak 14 kali. Menurut Muhammad (2006), buah anggur memberikan manfaat dari perspektif pemakanan dan perubatan. Buah anggur mampu memudahkan proses penghadaman dalam perut pesakit. Ia menjadi antara buah terbaik dalam pemakanan, membersihkan darah serta membantu mengimbangkan proses penghadaman. Buah anggur terbahagi kepada tiga jenis iaitu anggur hijau, anggur merah (*feoniculum vulgare mill*) dan anggur hitam (keunguan). Buah anggur juga meningkatkan kekebalan tubuh badan terhadap serangan berbagai penyakit seperti kanser payudara, membantu perkembangan sel-sel tubuh kerana kandungan gizi pada buah anggur, menjadi nutrisi terhadap perkembangan bayi. Pengambilan buah anggur sebagai rutin harian dapat membantu pertumbuhan sel-sel dengan sihat dan juga membersihkan racun yang ada dalam badan manusia sepertimana maksud firman Allah SWT dalam surah 'Abasa, ayat 28:

Dan buah anggur serta sayur-sayuran (Surah. 'abasa: 80: 28)

Buah anggur dikategorikan sebagai tanaman berkhasiat tinggi, makanan sihat, minuman, dan ubat pelbagai penyakit. Dalam tafsir al-Misbah menjelaskan firman Allah SWT;

Dan berikanlah kepada mereka sebuah perumpamaan dua orang laki-laki, Kami jadikan bagi seorang diantara keduanya (yang kafir) dua buah kebun anggur dan Kami kelilingi kedua kebun itu dengan pohon-pohon kurma dan diantara kedua kebun itu Kami buat ladang. (Surah. Al-Kahfi:32)

4.5 Al-Rumman (Delima)

Menurut Manzur & Mukarram (1999), perkataan *Rumman* merupakan kata jamak dan merujuk kepada sejenis buah dikenali buah delima. Dalam dunia perubatan membuktikan bahawa buah delima memiliki khasiat dan penawar kepada penyakit diabetes. Manakala kajian yang dijalankan Bagri et al. (2009) ke atas bunga pokok delima mendapati bunganya boleh digunakan sebagai makanan tambahan dan merawat penyakit kronik disebabkan kegagalan metabolisme glukosa dalam badan. Malah dibuktikan juga sebagai pencegahan awal penyakit diabetes.

Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima (Surah. Al-Rahman:55: 68)

Demikianlah manfaat buah delima yang sangat berguna dan membantu manusia merawat penyakit.

4.6 Al-Nakhl (Kurma)

Menurut Farooqi (2003), kurma dalam bahasa Arab disebut sebagai *nakhl* manakala buah yang matang dinamakan tamar. Dari segi penanaman pokok kurma, ia bermula sejak sebelum Masihi antara 6000 hingga 8000 tahun yang lalu di Mesopotamia. Menerusi kitab Ahmad, diriwayatkan oleh Aisyah, baginda Rasulullah S.A.W bersabda:

Telah menceritakan kepada kami Sulaiman bin Daud, dia berkata; telah menceritakan kepada kami Ismail iaitu Ibnu Ja'far, dia berkata; telah mengkhabarkan kepadaku Syarik, dari Abdullah bin Abi Atiq, dari Aisyah, bahwasanya Nabi ShallAllāhu'alaihiwasallam bersabda: "Di dalam kurma ajwah yang tumbuh di 'Aliyah terdapat obat, atau ia adalah penawar racun (jika dimakan) di pagi hari." Kurma mampu menetralkan racun dalam tubuh Rasulullah SAW ketika terjadi percobaan pembunuhan oleh seorang wanita yahudi yang menaruh racun dalam makanan Rasulullah SAW. Sementara Bisyr bin Al- Barra', salah seorang sahabat yang ikut makan racun tersebut meninggal dunia, tetapi Rasulullah SAW selamat.

Melalui surah Al-Qamar ayat 20 Allah SWT menceritakan bagaimana umat terdahulu yang diturunkan azab kehancuran berdasarkan petikan ayat Al-Quran dibawah:

Yang menumbangkan manusia gugur bergelempangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon korma yang terbongkar (Surah. Al-Qamar:54: 20)

Hadith dan Al-Quran di atas menyebut secara khusus nama buah kurma dan menunjukkan buah kurma mempunyai kelebihan seperti menguatkan rahim saat melahirkan anak dan memberi tenaga kepada ibu mengandung. Penelitian oleh doktor-doktor mendapati kesan positif dihasilkan oleh kurma yang segar setara dengan ubat-ubatan yang digunakan untuk proses kelahiran serta menjamin keselamatan ibu dan anak yang dilahirkan. Khasiat yang ada pada buah kurma itu berfungsi seperti hormon-hormon yang diperlukan oleh para wanita pada fasa awal dan akhir melahirkan bayi. Selain itu, mengandungi khasiat yang dikenali asam salisilat yang bersifat anti pembekuan darah, menghilangkan rasa nyeri dan anti inflamasi pada tubuh badan manusia, terdapat kalium yang menjadikan jantung seseorang itu berdenyut dengan stabil. Kurma juga berfungsi mengatur tekanan darah tinggi dan rendah dalam badan. Ia juga mengekalkan kesihatan jantung dan pembuluh darah yang baik sehingga dapat mencegah penyakit stroke dan sebagainya. Menurut Azizah (2020), buah kurma dapat menyembuhkan penyakit sembelit, elergi, pendarahan ketika hamil, anemia, juga dapat mencegah penyakit asma dan sesak nafas.

4.7 Al-Sidr (Bidara)

Menurut Raharjeng & Masliyah (2020), buah bidara memiliki nama latin iaitu *Ziziphus Mauritiana*. Turut dikenali dengan beberapa nama daerah iaitu Widara (Jawa, Sunda), Rangga (Bima), Kalangga (Sumba) dan Bekul (Bali), Kom (Kupang). Bidara (*Zizipus mauritania*), sejenis tumbuhan yang mampu bertahan hidup pada lingkungan yang agak kering dan tumbuh tegak atau menyebar dengan cabang-cabangnya yang menjuntai, pohon bidara termasuk tanaman yang berduri, durinya terletak pada ranting yang simpang siur. Daunnya bewarna hijau, bidara juga memiliki bunga, buah, batang, akar dan daun. Buah bidara telah dinyatakan di dalam al Quran antaranya:

Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya dan pohon-pohon yang jarang berbuah serta sedikit pohon-pohon bidara (Surah Saba' 34: 16).

Mereka bersenang-senang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri (Surah. Al-Waqi'ah 5: 28).

Dalam kaedah perubatan Islam, daun bidara ini akan disertai dengan bacaan ayat-ayat ruqyah yang diambil daripada beberapa surah dan ayat Al-Quran. Selain itu, buah bidara dipercayai mampu menyucikan darah dan merawat masalah penghadaman, sakit pulmonari dan demam. Di samping melalui kaedah hirisan buah bidara juga digunakan bagi merawat luka dan ulser malah diiringi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran seperti Al-Fatihah, dan doa-doa khusus serta ayat Al-Quran yang bersesuaian dan kemudian ditiup pada bahan tersebut, sama ada digunakan dengan sapuan, makan dan minum dengan niat ikhtiar sebagai penawar dan hanya atas keizinan-Nya akan kesembuhan penyakit. Selain itu, buah bidara memiliki sumber karoten, vitamin A, C dan lemak dan bersifat sedative dan lazimnya diskonsumsi bagi merawat masalah muntah, pening kepala, sakit abdomen ketika mengandung dan sebagainya.

4.8 Al-Habbah Al Sawda (Jintan Hitam)

Menurut Majeed, (2008: 284), orang Arab menamakannya dengan Habbah Al-Sawda' yang bermaksud biji-bijian hitam. Ianya pernah digunakan untuk menangani pelbagai gangguan kesihatan seperti gangguan pernafasan, sakit perut dan

usus, gangguan fungsi hati dan buah pinggang. Pada masa yang sama ia berfungsi sebagai penyokong sistem keimunan dan peredaran darah serta mengekalkan kesejahteraan badan secara keseluruhan. Penelitian yang dibuat juga mendapati bahawa jintan hitam adalah satu tanaman yang termasuk dalam kategori rempah yang sangat popular dikalangan masyarakat tempatan terutamanya pada daerah Timur Tengah seperti Afrika, Jerman dan Asia termasuklah di Indonesia. Manakala, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (t.t) jintan ialah sejenis tumbuhan, seperti biji-bijian yang dibuat rempah, ubat dan jenisnya berwarna hitam, manis, putih dan lada hitam menjadi penawar homeopati sejak awal abad ke-19.

Selain itu, Habbah Al-Sauda juga merupakan bahan kompleks yang mengandungi lebih daripada 100 sebatian kimia di dalamnya. Melalui kesahan daripada kajian sains yang dijalankan menemukan bahan aktif dalam herba ini dapat memberikan tenaga dan memperkuat daya tahan tubuh badan manusia tersebut. Kelebihan yang lain juga terbukti berkesan bagi merawat penyakit lelah dan batuk kokol yang teruk. Setiap pengubatan Islam iaitu berkaitan dengan Jintan hitam memiliki khasiatnya yang disebut sebagaimana dalam satu hadis dari Abu Salamah R.A, dan Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda.

Sesungguhnya Habbatussauda' adalah penawar bagi segala penyakit, melainkan al-Saam. Aku bertanya: Apakah al-Saam itu? Baginda SAW menjawab: "Kematian" (Riwayat Al-Bukhari: 5687).

Habbah sawda mempunyai pelbagai khasiat, antaranya mengubati penyakit asma, mengurangkan sakit otot, mencegah diabetes, merawat diarrhea (cirit-birit), merawat batuk kering, membantu menghilangkan selsema dan hidung tersumbat, menghilangkan uban di rambut, merawat rambut gugur dan melebatkan rambut, merawat alahan, menghilangkan sakit kepala, meningkatkan daya ingatan dan konsentrasi, meningkatkan kesuburan lelaki, menyembuh perut kembung, nyeri dada, batuk, sesak nafas, mual, busung air, sakit kuning, penyakit limpa, meningkatkan syahwat dan melawaskan kencing. Habbah sawda juga berperanan sebagai bahan masalah resdung. Sifat-sifat Habbah sawda dapat dilihat berdasarkan petikan dibawah:

"Faedah ini ubat siang. Maka ambil akar mantera api dengan daun dan bunga juga kulit dan lada hitam bawang merah dan putih dan beli dan jintan hitam lumur pada perut aflat insya-Allah aflat..." (MS 174: 28).

5. Kesimpulan

Kesimpulan dalam kajian ini menunjukkan bahawa buah-buahan yang dinyatakan dalam Al-Quran merupakan khazanah alam yang perlu dijaga dan dikekalkan kerana ia berpotensi untuk tujuan perubatan. Al-Quran menyebut beberapa jenis buah yang dapat dijadikan sebagai bahan untuk rawatan dan penawar penyakit disamping perubatan moden. Kajian ini mendapati terdapat banyak khasiat kebaikan kepada kesihatan tubuh badan manusia secara jasmani. Ini sekaligus menampilkan keistimewaan dan kelebihan buah-buahan yang terkandung dalam ayat Al-Quran dan bukti mukjizat kepada manusia yang benar-benar beriman dan berfikir tentang kebesaran nikmat yang Allah. Masyarakat juga wajar menyedari aspek kepentingan buah-buahan yang sengaja disebut dalam Al-Quran yang bukan sahaja untuk tujuan menjadi sumber makanan, pencernaan, kesihatan tetapi juga menjadi bahan perubatan komplementari.

Penghargaan

Pengkaji ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada penyelia yang bersungguh-sungguh membantu penulis untuk melengkapkan kajian ilmiah ini. Penghargaan juga kepada Sekolah Pengajian Siswazah dan WAZAN yang juga membantu dalam aspek kewangan kepada pengkaji. Rakaman terima kasih juga kepada pihak UPM dan UPMKB yang menyediakan seminar untuk perkongsian tajuk ini.

Konflik Berkepentingan

Para penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik berkepentingan yang wujud dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Al-Darwish, Mahy al-Din. (1992). I'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuhu. Dimashq: Dar alYamamah.
- Ahmad, K. A. B., & Ariffin, A. S. B. (2020). Kandungan dan pembuktian buah-buahan dalam al-quran: analisis terhadap al-quran & sains. In Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020 (pp. 203-212).
- Ahmad, K., Ariffin, M. F. M., Deraman, F., Ariffin, S., Abdullah, M., Abd Razzak, M. M., ... & Achour, M. (2018). Understanding the perception of Islamic medicine among the Malaysian Muslim community. *Journal of religion and health*, 57(5), 1649-1663. <https://doi.org/10.1007/s10943-017-0507-9>.
- Az-Zuhaili, W. (1998). at-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa asy-Syari'ah wa al-Manhaj. *Damaskus: Dar al-Fikr*.

- Azizah, S. (2020). *Ayat-Ayat Kajian Tentang Kurma Dalam Al-Qur'an (Studi Tafsir Ilmi Al-Jawahir)* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Bagri, P., Ali, M., Aeri, V., Bhowmik, M., & Sultana, S. (2009). Antidiabetic effect of Punica granatum flowers: effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes. *Food and Chemical Toxicology*, 47(1), 50-54. <https://doi.org/10.1016/j.fct.2008.09.058>.
- Cicerale, S., Lucas, L., & Keast, R. (2010). Biological activities of phenolic compounds present in virgin olive oil. *International journal of molecular sciences*, 11(2), 458-479. <https://doi.org/10.3390/ijms11020458>.
- Deuraseh, N. B., & Nordin, F. N. M. N. B. (2017). [Knowledge, Attitude and Awareness of First Year Medical Students of (Upm) on Medical Ethics] Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pelajar Perubatan Tahun Pertama Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap Etika Perubatan: Satu Deskriptif dan Penemuan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 14(1), 1-15.
- Fadhli Mustafa, A. F., & Mohd Hussin, M. Y. (2020). Kajian penggunaan bahasa Arab di Bank Islam Malaysia Berhad dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) [Study of the use of Arabic at Bank Islam Malaysia Berhad and Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK)]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 149-156. <https://doi.org/10.33306/mjssh/89>.
- Farooqi, M. H. I (2003). *Plants Of The Qur'an*. Lucknow: Sidrah Publisher.
- Kottaparamban, M. (2019). Sea, community and language: a study on the origin and development of Arabi- Malayalam language of mappila muslims of Malabar. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(4), 406-416. <https://doi.org/10.33306/mjssh/31>.
- Majeed, A. B. A. (2008). *Etika amalan perubatan dan farmasi*. Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Manzur, I., & Mukarram, M. I. (1999). Lisan al-'Arab (The Arab's Tongue). ed. Amin 'Abd al-Wahhab and Muhammad al-'Ubaydi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad, M. H. M. (2006). al-Thimar wa al-Asyab al-Waridah fi Al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah. Iskandariyyah: Dar al-Nada.
- Najaa'Mokhtar, A., Sidek, J. H., Mahyuddin, M. K., Zumrah, A. R., Ismail, M., Sabran, R., & Ghazali, M. R. (2018). Fenomena kepercayaan dan amalan masyarakat dalam perubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 1(2), 155-175.
- Raharjeng, S. W., & Masliyah, A. (2020). Identifikasi Morfologi Bidara (Ziziphus Mauritiana) Di Wilayah Sidoarjo. *Afamedis*, 1(2), 79-88.
- Yakob, M. A., Yakub, M., Yusoff, Z. M., Fauzi, N., Awang, K., Othman, R., & Mustafa, M. R. (2016). Kekerapan penerbitan di SCOPUS mengenai flora-flora dalam al-Quran dan al-Hadith. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 2(1), 123-142.
- Zulkepli, M. K. A. B. (2016). Buah-Buahan Dalam Al-Quran Menerusi Aspek Bahasa Arab. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 167.